

# JIRAN KITA DI LANGIT


## 25 TAHUN LAGI KITA AKAN SAMPAI KE BULAN

Seorang ahli Sains telah membayangkan bahawa kita penduduk dunia tidak akan dapat terbang ke bulan melainkan setelah mengambil masa kira-kira 25 tahun. Penerbangan itu pun tidak dapat dijalankan dengan sekaligus, seterusnya baca alasannya seperti yang dipaparkan di bawah ini:

Hal ini telah nyata menghendaki sebuah kapal roket besar yang sangat mahal belanjanya. Selain daripada itu, penerbangan kita kelak adalah dipercayai tidak sunyi daripada marabahaya. Inilah yang menimbulkan cadangan supaya diadakan suatu perhentian di awang-awang untuk menjadi tempat bertukar dari kapal roket yang telah berangkat dari bumi kepada kapal roket yang lain yang akan menyambungkan penerbangan itu ke bulan, iaitu jauh daripada kuasa tarikan bumi dan tekanan udara.

Bahan-bahan yang akan digunakan untuk membina perhentian di awang-awang itu, harus akan diangkut oleh kapal-kapal roket yang besar yang mempunyai kekuatan laju kira-kira 1,548 batu sejam. Apakala kapal itu naik setinggi 1,075 batu daripada muka bumi maka dia akan memunggah bahan-bahan yang dibawanya dan ketika itu dia akan bergerak mengelilingi bulatan bumi – kerana kedudukannya yang jauh dari kuasa tarikannya, dan tunduknya pula kepada kuasa yang menyebabkan tiap-tiap bintang kecil berpusing mengelilingi bintang besar yang menjadi ibunya dan akan berkekalan berpusing sehingga dia (kapal roket) dapat dijadikan tempat perhentian yang berbentuk bulat seluas 250 kaki. Adalah diharapkan tempat perhentian ini atau “bintang buatan” yang tersebut akan sempurna dalam tahun 1967, selepas itu akan dimulakan langkah yang kedua yang diharapkan akan berhasil dalam tahun 1977.

Harus orang-orang yang akan berangkat daripada perhentian yang di awang-awang ini dalam masa penerbangan ke bulan yang tersebut ialah lima puluh orang ahli sains dan ahli teknik yang akan menggunakan tiga buah kapal roket yang kuat, yang dipercayai tidak akan bertemu dalam masa penerbangan itu angin yang boleh menghalangi perjalannya: dua buah di antaranya mengangkut bahan-bahan untuk dibakar – sejenis benda campuran kimia yang tertentu – yang mencukupi habuan lima hari. Sepanjang-panjang masa yang tersebut kapal roket itu adalah diharapkan akan terbang sejauh 239,000 batu untuk pergi ke bulan dan balik dari sana. Adapun kapal roket yang ketiga maka dia tidak akan balik, dan




*Inilah dia kapal roket yang telah disediakan untuk terbang ke bulan.*

harus bahagian dalamnya yang telah disediakan untuk membawa bahan-bahan yang akan dibakar akan diuntukkan juga mengisi alat-alat dan makanan yang perlu untuk penumpang-penumpang tersebut bagi mencukupi bekalan seminggu iaitu masa yang didalamnya mereka akan tinggal di sana.

\*

Sebelum mereka sampai di bulan, kena ambil terlebih dahulu beberapa gambar berkenaan bahagian bulan yang gelap yang tidak kelihatan kepada kita ketika kita berada di atas muka bumi, supaya mereka menurut panduannya – dapat memilih tempat yang sesuai untuk mereka turun di atas muka bulan itu. Bagi pemilihan ini terpaksa mereka memikirkan beberapa perkara. Mereka tidak akan dapat turun di atas kawasan bulan yang terletak dalam bahagian khatulistiwa, kerana darjah panas akan sampai kepada 220 darjah Fahrenheit yakni lebih panas daripada darjah air menggelegak mereka juga tidak akan dapat turun dalam kawasan bulan yang banyak lekuk-lekuk dan berbusut-busut kerana sudah tentu mereka berkehendakkan tanah rata yang mudah mereka berkhemah padanya. Dalam pada itu mereka tidak akan dapat tempat yang cukup rata, disebabkan tahi-tahi bintang sentiasa gugur memukul muka bulan, dan kerana itu sudah tentu pelawat-pelawat yang datang ke bulan tertuntut mereka berlindung dalam gua yang boleh menyelamatkan mereka daripada “bom-bom” tahi-tahi bintang tersebut.

Panjangnya kepala roket yang dicadangkan itu – menurut bentuk yang akhir sekali – ialah 160 kaki dan lebarnya 110 kaki. Di atas terletak tempat tinggal pelawat yang lima puluh orang itu, bentuknya seperti sebuah bola mengandungi lima tingkat. Dibawahnya terletak dua buah tempat yang bujur, melekat padanya “aerial” untuk radio dan cermin muka yang besar untuk menerima dan memancarkan cahaya matahari di atas sebuah tabung yang penuh dengan raksa. Panas cahaya matahari yang dipanahkan itu akan menyebabkan raksa itu menjadi wap; yang akan pula dapat menjalankan sebuah



*Pemandangan sebelah dalam, dalam kapal roket yang lima tingkat itu.*

“motor” bagi melahirkan kira-kira 35 kilo watt daripada kuasa elektrik, iaitu kuasa yang cukup bagi menjalankan sebuah kilang kecil. Dibawah alat yang tersebut terletak pula 18 buah tangki yang boleh menyimpan minyak 800 ribu galen. Minyak dan bahan-bahan yang lain yang akan digunakan dalam perjalanan ini adalah ditaksirkan berharga 300 juta dolar, selain daripada belanja membuat kapal-kapal roket yang tersebut, dan belanja membuat bintang buatan-tempat perhentian kapal-kapal roket diawang-awang – adalah ditaksirkan berharga 400 juta dolar.

Bagi menyelamatkan diri daripada tahi-tahi bintang yang akan melanggar kapal-kapal roket itu, akan diletakkan di atas bahagian-bahagiannya yang utama, keping-keping nipis daripada sejenis logam yang tertentu. Keping yang tersebut akan menahan pukulan tahi-tahi bintang jenis kecil. Sudah tentu pula mereka akan mengambil segala jenis persediaan yang perlu bagi menyelamatkan diri

(sambungan pada muka 27)

# ((BENAR))

Masalah benar wajib dikaji

Ialah sifat sangat terpuji

Tahan ditentang tahan diuji

Tidak mengubah sebarang janji.

Istimewa pula disisi Islam

Mengandung erti bermakna dalam

Disegenap lapangan tidak tenggelam

Bahkan menjadi nama puhalam.

Tulus ikhlas mahu dicari

Kepada benar tegak berdiri

Biarpun halangan gerun dan ngeri

Diterima dengan senbum diberi.

Putih bersih tumpuan hala

Dalam perjuangan segala-gala

Walaupun ditindas dihalang gendala

Tentu berani menuntut bela.

Cubalah renung dengan makrifat

Menuntut hak sehingga dapat

Tidak tersingkir tidak terlompat

Datangnya itu lambat dan cepat.

Manakala ditatap sejarah yang silam

Rasul berjuang kebenaran Islam

Menjadi penyuluh serata alam

Jasanya dipuji siang dan malam.

Satu dalil yang terang nyata

Menuju segala hasrat dan cita

Benar dan jujur bererti kata

Kelak baktinya dapat dicipta.

Inilah dia sifat berguna

Berjasa terus haluan dunia

Semasa menmpuh alam yang fana

Berpaling tadah menunjukkan hina.

Namun ada niat dihati

Berpegang kukuh dengan teliti

Kalimah ((benar)) jadikan titi

Nescaya hasil berbuat bakti.

-Abhash, Perak.

---

(sambungan dari muka 26)

daripada penangan panas dan dingin yang bersangatan.

Dalam lapangan yang terletak di antara “bintang buatan” yang menjadi perhentian di awing-awang itu dengan bulan, segala benda akan hilang beratnya, dan harus di situ akan hilang kuasa tarikan bumi. Oleh itu maka soal masak memasak akan menghadapi kesukaran. Perkakasan-perkakasan dapur, dikehendaki mempunyai tepi daripada besi berani atau tempat-tempat penyangkut yang dapat menahannya daripada terbang. Segala benda cair akan disimpan dalam botol-botol daripada plastik yang akan ditekan tatkala diletakkan di mulut ketika henda diminum atau hendak dituang. Sebabnya kerana benda-benda cair – dalam kawasan itu – tidak dapat mengalir dengan sendirinya apabila botol-botolnya itu dituang. Akan makanan pula hanya dapat dimasak atau dipanaskan dengan alat-alat yang memakai kuasa electron.

Bagi mengarahkan kepala roket, akan diletakkan ditengah-tengahnya suatu alat khas terdiri daripada tiga kipas yang terletak dalam tempat-tempat yang bertentangan, tiap-tiap satunya diputar oleh sebuah motor elektrik. Tujuan hala kepala roket itu adalah bergantung kepada kipas-kipas itu, serta akan dipasangkan alas bawah yang akan menyelamatkannya daripada terhentak apakala dia turun ke muka bulan.

-dari al-Hilal.